

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

**TARIKH : 17 OGOS 2020**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki keadaan penjara terutamanya dari aspek kesihatan, kebersihan dan tempat tahanan yang mana masih pada tahap yang tidak memuaskan sepertimasana yang didapati oleh pihak SUHAKAM dalam tahun 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia akan sentiasa melakukan penambahbaikan dan antara tindakan penambahbaikan dalam pelbagai aspek yang sedang diambil adalah seperti berikut:

i. Bagi tujuan penggantian kaedah sisa kumbahan sistem *bucket* kepada sistem tandas moden di 8 buah penjara, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil tindakan dengan membuat kajian dan penelitian bersama JKR. Hasil kajian dan penelitian mendapati:

- 3 buah penjara sahaja yang sesuai di naik taraf iaitu Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah, Penjara Pengkalan Chepa dan Penjara Seremban; dan

- 2 buah penjara lagi iaitu Penjara Alor Setar dan Penjara Penor telah dinaiktaraf kepada sistem tandas moden.

ii. Pembinaan penjara baru bukannya langkah tunggal sebagai kaedah mengurangkan kesesakan di institusi penjara. Dua buah institusi penjara (Lahad Datu dan tiga kluster dadah) telah diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri masing-masing pada tahun 2017 dan 2019, bagi tujuan pengkhususan pemulihan berasaskan kesalahan.

Dasar dan halatuju Jabatan Penjara Malaysia adalah memperkembangkan pemulihan dalam masyarakat, di mana 2/3 dari banduan sabitan yang layak akan menjalani pemulihan di luar penjara. Antara langkah yang telah diambil oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia dalam menangani isu kesesakan adalah:

- Sistem Parol - bermula tahun 2008;
- Pusat Kehadiran Wajib (PKW) - bermula tahun 2010;
- Pusat Reintegrasi Penghuni (PRP) – bermula tahun 2012;
- Pusat Reintegrasi Penghuni Industri (PRPI) - bermula tahun 2018; dan
- Rumah Perantaraan (bermula tahun 2010).

Usaha penambahbaikan dari segi penambahan jawatan serta skim perkhidmatan Jabatan Penjara Malaysia akan diteruskan memandangkan wujud pertambahan beban kerja, risiko serta kompleksiti tugas yang dilaksanakan.

Sehubungan itu, Jabatan Penjara Malaysia akan terus bekerjasama bagi membolehkan pihak SUHAKAM melawat, memeriksa serta menjalankan siasatan di institusi penjara. Begitu juga dengan penglibatan SUHAKAM dalam memberikan latihan untuk pegawai penjara berkaitan hak asasi manusia, akan diteruskan.